A

Everhome Furniture Manufacturing (M) Sdn Bhd lwn Tenaga Nasional Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN SIVIL NO MT1–22–924 TAHUN 2005
NORAINI ABDUL RAHMAN PK
30 JUNE 2009

C

Utiliti Awam — Elektrik — Bayaran elektrik — Pengusikan meter menyebabkan kiraaan kegunaan elektrik kurang daripada kegunaan sebenar — Sama ada defendan berhak membuat 'back billing' bagi menuntut kos kegunaan elektrik yang tidak direkodkan akibat pengusikan meter

D

Pasukan penyiasat defendan telah membuat pemeriksaan pepasangan elektrik di premis plaintif dan telah mendapati bahawa ada pengusikan yang berlaku yang menyebabkan kiraaan kegunaan elektrik oleh plaintif kurang dari kegunaan sebenar. Justeru, defendan telah menghantar kepada plaintif 'back billing' bagi jumlah RM114,096.66 dan RM253,138.54 iaitu bagi kos kegunaan elektrik yang tidak direkodkan oleh meter jangka disebabkan pengusikan yang dibuat oleh plaintif kepada pepasangan. Plaintif kemudiannya memulakan tindakan ini terhadap defendan dan menuntut perintah: (i) supaya defendan memotong jumlah RM114,094.66 dan RM253,138.54 tersebut daripada bil plaintif; (ii) supaya bekalan elektrik di premis plaintif tidak dipotong oleh defendan; dan (iii) untuk ganti rugi yang dialami oleh plaintif akibat tindakan defendan. Defendan telah membuat tuntutan balas untuk jumlah-jumlah 'back-billing' tersebut serta kos operasi dan kos membaikpulih meter jangka.

E

F

G

Diputuskan, menolak tuntutan plaintif dengan kos dan membenarkan tuntutan balas defendan dengan kos:

H

(1) Tiada bukti secara langsung yang diberi mengapa plaintif tidak harus membayar tuntutan defendan berkenaan 'back billing'. Manakala, keterangan menunjukkan bahawa terdapat pengusikan pada meter jangka yang menyebabkan ralat. Meter jangka merekodkan penggunaan elektrik yang kurang daripada elektrik sebenar yang digunakan plaintif (lihat perenggan 3, 8 & 11).

I

(2) 'Back billing' yang disediakan telah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan oleh TNB (lihat perenggan 19).

[English summary

The defendant's investigation team inspected the installation of the electricity at the plaintiff's premises and found that there had been tampering which had caused the calculation of the use of electricity by the plaintiff to be lesser than the actual use. Thus, the defendant had sent to the plaintiff a back billing for the amount of RM114,096.66 and RM253,138.54 ie being cost of use of electricity that had not been recorded in the meter reading due to the tampering by the plaintiff on the installation. The plaintiff thereafter commenced this proceedings against the defendant and sought the orders; (i) that the defendant deduct the sum of RM114,094.66 and RM253,138.54 from the plantiff's bill; (ii) that the electricity supply at the plaintiff's premises not disconnected by the defendant; and (iii) for the damages suffered by the plaintiff due to the defendant's actions. The defendant had counterclaimd for the back billing sums as well as the operational cost and the cost of repairing the meter reading.

Held, dismissing the plaintiff's claim with costs and allowing the defendant's counterclaim with costs:

(1) There was no direct proof given as to why the plaintiff should not pay the defendant's claim with regards to the back billing. Whereas, the evidence showed that there were tampering to the meter reading which had caused error. The meter reading recorded lesser usage of electricity than the actual use of electricity by the plaintiff (see paras 3, 8 & 11).

(2) The back billing that had been prepared was done according to the procedure stipulated by TNB (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai bayaran elektrik, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2008 Reissue) perenggan 1999.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bekalan Elektrik 1990 ss 37(3), (3)(a), (c), (d), (e), (4), (5), (14), 38(3), (4), (5), 40(a), (b), (c), (c)(i), (ii), (iii), 40(A), (A)(d), (e), (f).

SK Chan (Vincent Hooi & Chan) bagi pihak plaintif.
Rosaidy bin Abu Bakar (Khairil & Co) bagi pihak defendan.

Noraini Abdul Rahman PK:

FAKTA

[1] Plaintif dan defendan telah menandatangani satu perjanjian 'contract of

supply of electricity' pada 4 September 1996 di mana defendan akan membekalkan elektrik kepada plaintif. Pada 15 Disember 2003 dan 20 Jun 2005, pasukan penyiasat defendan telah membuat pemeriksaan pepasangan elektrik di premis plaintif. Hasil daripada pemeriksaan ini, defendan mendapati ada pengusikan yang berlaku yang menyebabkan kiraaan kegunaan elektrik oleh plaintif kurang daripada kegunaan sebenar. Kemudiannya, defendan menghantar kepada plaintif dua pucuk surat kedua-duanya bertarikh 12 Julai 2005 menuntut pembayaran bagi jumlah RM114,096.66 dan RM253,138.54 iaitu apa yang ditakrifkan sebagai 'back billing', bagi kos kegunaan elektrik yang tidak direkodkan oleh jangka (meter) disebabkan keusikan yang dibuat oleh plaintif kepada pepasangan. Plaintif kemudiannya memulakan tindakan ini terhadap defendan dan menuntut, antara lain:

(a) satu perintah bahawa defendan memotong (delete) jumlah RM114,094.66 dan RM253,138.54 daripada akaun Dream-Mate Furniture Manufacturing (M) Sdn Bhd (nama asal plaintif);

(b) supaya bekalan elektrik di premis plaintif di Lot 1716, Sungai Long, Batu 11, 43200 Cheras, Selangor Darul Ehsan tidak dipotong oleh defendan;

(c) ganti rugi yang dialami oleh plaintif akibat tindakan defendan menuntut jumlah RM114,094.66 dan RM253,138.54 tersebut; dan

(d) faedah pada kadar 8% setahun atas jumlah penghakiman.

[2] Defendan membuat tuntutan balas seperti berikut:

(a) jumlah sebanyak RM112,076.58 yang merupakan jumlah terkurang dibilkan setakat 1 April 2001 sehingga 15 Disember 2003;

(b) jumlah sebanyak RM2,018.08 yang merupakan kos operasi dan kos membaikpulih jangka oleh defendan pada 15 Disember 2003;

(c) jumlah sebanyak RM252,388.54 yang merupakan jumlah terkurang dibilkan setakat 15 April 2004 sehingga 20 Jun 2005;

(d) jumlah sebanyak RM750 yang merupakan kos operasi dan kos membaikpulih jangka oleh defendan pada 20 Jun 2005;

(e) faedah pada kadar 8% setahun ke atas jumlah tuntutan yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh; dan

(f) kos tindakan.

[3] Plaintif hanya mengemukakan satu saksi sahaja iaitu Cik Tong Yut Fun, iaitu 'personal assistant' kepada seorang pengurus pentadbiran. Beliau hanya menjawab sepuluh soalan sahaja dalam pemeriksaan utama. Saya dapati

kesemua keterangan yang diberi adalah 'bare denial' semata-mata. Tidak ada keterangan langsung diberi yang menyatakan pihak defendan hendaklah memotong amaun RM114,094.66 dan RM253,138.54 daripada akaun plaintif. Dalam erti kata yang lain, tiada bukti langsung yang diberi kenapa plaintif tidak harus membayar tuntutan defendan yang dibuat melalui surat-surat bertarikh 15 Disember 2003 daripada defendan berkenaan 'back billing'. Oleh yang demikian, saya menolak tuntutan plaintif dengan kos.

[4] Seperti yang dikatakan di atas, defendan membuat tuntutan balas. Defendan mengemukakan enam orang saksi. SD1 dan SD2 adalah dalam pasukan penyiasatan pertama yang dibuat ke atas premis plaintif pada 15 Disember 2003. SD1 dan SD2 menyatakan dalam pemeriksaan utama bahawa mereka hadir di premis defendan dan selepas mendapat kebenaran untuk memasuki premis defendan telah memasuki bilik suis utama plaintif. Bilik suis situ dikunci dan kunci dipegang atau disimpan oleh plaintif. Setelah bilik suis dibuka, SD1 dan SD2 masuk untuk membuat pemeriksaan kepada panel jangka. Soalan-soalan dan jawapan-jawapan SD1 menunjukkan terdapat kesan usikan dan akibat daripada keusikan itu, alat kiraan arus elektrik telah merekodkan bacaan ralat -67.65% untuk impulses/Kwh Jangka Utama, -65.82% untuk impulses/KVArh Jangka Utama, -68.68% untuk impulses/Kwh Jangka Semak dan -65.33% untuk impulses/KVArh Jangka Semak.

[5] Jawapan SD1 di soalan 15, 16, 17, 18, 19, 22, 25 dan 33 pemeriksaan utama menunjukkan apa yang disebut di atas. Soalan dan jawapan adalah seperti berikut:

15.

S: Bagaimana pemeriksaan pada jangka dibuat?

J: Langkah pertama saya memeriksa keadaan pepasangan di luar jangka dan dapati fius sil di penutup panel jangka telah diusik.

(Mohon kemuka 2 sil penutup panel jangka) Ditanda sebagai D6A & D6B)

Kemudian saya menggunakan alat Set Penguji 3 Fasa PWS 1.3 pada panel jangka dan mendapati ralat jangka yang direkodkan adalah –67.65% untuk impulses/KWh Jangka Utama, -65.82% untuk impulses/KVArh Jangka Utama, -68.68% untuk impulses/KWh Jangka Semak, -65.33% untuk impulses/KVArh Jangka Semak.

(Mohon rujuk m/s 7 dan 9 Ikatan F — Gambar bacaan ralat)

(Ditanda sebagai IDD5C untuk 4 gambar).

16.

S: Adakah ini gambar bacaan alat set penguji yang merekodkan ralat tersebut?

J: Ya.

17.

S: Siapa ambil gambar ini?

J: En. Ahmad Fakhruddin.

18.

S: Apa maksud apabila bacaan alat set penguji merekodkan ralat?

J: Ia menandakan peratusan meter jangka gagal merekodkan jumlah unit penggunaan tenaga elektrik sebenar yang digunakan di premis Plaintif.

19.

S: Apa langkah pemeriksaan seterusnya?

J: Apabila ada pengusikan pada sil panel jangka dan bacaan merekodkan ralat maka wujud syak munasabah bahawa pepasangan di dalam panel jangka telah diusik.

Bagi memastikan samada berlaku pengusikan, saya telah membuka panel jangka untuk memeriksa pepasangan dalam panel jangka.

(Mohon rujuk m/s 5 Ikatan F — Gambar pepasangan dalam panel jangka) (Ditandakan sebagai IDD5D).

22.

S: Apa hasil pemeriksaan pepasangan dalam panel jangka?

J: Saya dapati ada kejanggalan dalam panel jangka, iaitu:

(a) sil di penutup fius potensi jangka utama dan jangka semak diusik;

(b) tiada paparan voltan pada fasa kuning dan fasa biru pada jangka utama dan semak;

(c) kaki pemegang fius potensi sebelah incoming fasa kuning dan fasa biru telah dikepit sehingga ianya tidak menyentuh/tiada contact dengan tapak fius potensi mengakibatkan jangka tidak menerima bekalan voltan dengan betul;

(d) cable lug S1 dari CT coil patah;

(e) terdapat kesan penggunaan alat 'copper clamp' bagi menyekat arus menghala ke jangka.

(Rujuk m/s 5, 6, 8, 10 Ikatan F — Gambar-Gambar kejanggalan)

M/S 5 – IDD 5E

M/S 6 – IDD 5F

M/S 8 – IDD 5G

M/S 10 – IDD 5H.

25.

S: Apa implikasi/kesan kejanggalan yang ditemui?

J: Berlaku litar buka pada voltan fasa kuning dan fasa biru menyebabkan gegelung voltan fasa yang sama (fasa kuning dan biru) tersebut tidak berfungsi seterusnya meter gagal merekodkan jumlah unit penggunaan tenaga elektrik sebenar yang digunakan oleh Plaintif di premis tersebut.

33.

S: Apakah kesimpulan hasil pemeriksaan dan penemuan kejanggalan dan pengusikan pada meter di premis Plaintif?

J: Terdapat bukti-bukti yang munasabah bahawa Plaintif telah menggunakan elektrik secara curang dan dengan itu melakukan kesalahan di bawah seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik 1990.

[6] Semasa pemeriksaan balas, SD1 tetap tegas dengan jawapan-jawapan seperti yang diberi semasa pemeriksaan utama. Oleh itu, saya menerima keterangan yang diberi oleh SD1 sebagai benar dan saya dapati terdapat keusikan pada jangka (meter) yang menyebabkan ralat. Dalam erti kata yang lain, jangka atau meter merekodkan penggunaan elektrik yang kurang daripada elektrik sebenar yang digunakan oleh plaintif.

[7] Penyiasatan kedua dijalankan pada 20 Jun 2005 ke atas premis plaintif. SD3 dan SD4 terlibat di dalam penyiasatan kedua ini. Lagi sekali, keterangan yang sama diberikan iaitu, pasukan penyiasat kedua telah meminta supaya bilik suis elektrik dalam premis dibuka oleh kerana kunci adalah dalam simpanan plaintif. Defendan tidak mempunyai kunci kepada bilik suis itu.

[8] Keterangan SD3 dan disokong oleh eksh D15, D17, D16, D12A – D121, D20 membuktikan pemeriksaan pada 20 Jun 2005 oleh pekerja

defendan telah mengesan wujud kejanggalan pada jangka tenaga elektrik pada pepasangan elektrik di premis plaintif akibat pengusikan apabila alat kiraan arus telah merekodkan bacaan ralat adalah -69.95%.

[9] Kejanggalan yang dibuktikan SD3 adalah:

(a) sil di fius palsu;

(b) stiker amaran palsu;

(c) litar arus untuk fasa kuning dari CT coil ke TTB terbalik (S1, S2).

[10] Keterangan SD3 dan SD4 mengesahkan eksh D12A–D121 diambil dari premis plaintif. Keterangan SD5 dan disokong oleh eksh D20 mengesahkan pengusikan dan kejanggalan wujud.

[11] Bukti-bukti berkenaan pengusikan yang menyebabkan jangka/meter merekod bacaan ralat -69.95% adalah seperti keterangan yang diberi oleh SD3. Semasa pemeriksaan utama SD3 beliau berkata:

13.

S: Bagaimana pemeriksaan pada jangka/meter dibuat?

J: Langkah pertama saya memeriksa keadaan luar panel Jangka/meter dan dapati sil bit di panel jangka/meter adalah palsu.

(Rujuk m/s 23 Ikatan F — Gambar sil bit) (Gambar No. 2 bawah IDD 12B).

(Mohon kemuka sil bit jangka) — Ditandakan sebagai D13 A–G).

Kemudian saya menggunakan alat Set Penguji pada panel jangka dan mendapati ralat jangka yang direkodkan adalah -69.95%.

13A.

S: Boleh tunjukkan pada mahkamah sil bit-sil bit yang didapati palsu?

J: D13A, B, C & D adalah palsu. D13E, F dan G adalah yang asli.

Perbezaan di antara yang palsu dengan yang asli terdapat 2 perbezaan. Perbezaan pertama ialah bentuk angka tiga adalah seperti 3 bagi yang palsu ditanda sebagai D14.

Perbezaan kedua — Bagi kesemua sil bit *yang asli* di belakang tertera angka 275 dan logo TNB tetapi yang palsu tiada nombor.

14.

S: Apa maksud apabila bacaan alat set penguji merekodkan ralat?

J: Ia menandakan peratusan meter jangka gagal merekodkan jumlah unit penggunaan tenaga elektrik sebenar yang digunakan di premis Plaintif.

15.

S: Apa langkah pemeriksaan seterusnya?

J: Apabila wujud sil bit di panel jangka yang palsu dan bacaan merekodkan ralat maka wujud syak munasabah bahawa pepasangan di dalam panel jangka telah diusik.

Bagi memastikan samada berlaku pengusikan, saya telah membuka panel jangka untuk memeriksa pepasangan dalam panel jangka.

16.

S: Apa hasil pemeriksaan pepasangan dalam panel jangka?

J: Saya dapati ada kejanggalan dalam panel jangka, iaitu:

(a) sil di fius palsu;

(b) stiker amaran palsu;

(c) litar arus untuk fasa kuning dari CT coil ke TTB terbalik (S1,S2).

(Rujuk m/s 20 Ikatan F — Gambar kejanggalan) (IDD12C)

18A.

S: Mohon dirujuk pada gambar asal. Terangkan kejanggalan yang boleh dilihat di situ.

J: Bila kita buka penutup panel meter, saya dapati kedudukan S1 & S2 terbalik (kedudukan wire S1 berada di S2 dan kedudukan wire S2 berada di kedudukan wire S1).

18B.

S: Pada pendapat Encik perubahan wire tersebut adakah semulajadi atau telah diusik?

J: Telah diusik.

19.

S: Apa implikasi/kesan kejanggalan yang ditemui?

J: Berlaku kecurian arus elektrik seterusnya jangka (meter) gagal merekodkan jumlah unit penggunaan tenaga elektrik sebenar yang digunakan oleh Plaintif di premis tersebut.

20.

S: Ada beri penerangan kepada Plaintif berkenaan hasil pemeriksaan dan penemuan kejanggalan tersebut?

J: Ada. Saya ada beri penerangan kepada wakil Plaintif.

[12] Semasa pemeriksaan balas, SD4 masih tegas dengan keterangan beliau (remains unshaken).

[13] Saya menerima keterangan yang diberi oleh SD3 itu. Keterangan ini disokong oleh gambar-gambar yang diambil oleh SD4 (eksh D12A, D12B, D12C, D12D, D12F, D12G, D12H dan D12I).

[14] Selepas setiap penyiasatan dibuat, satu *back billing* akan disediakan. Bagi penyiasatan kedua *back billing* disediakan oleh SD6 dan disokong dengan D22 (pengiraan bil kebelakangan atau *back bill* D23 iaitu graf penggunaan Kwh bulanan plaintif).

[15] SD6 memberi keterangan berkenaan dengan prosedur yang ditetapkan oleh TNB bagi pengiraan *back bill* dan dengan menggunakan prosedur itu, SD6 dapat menentukan jumlah tuntutan sebanyak RM253,138.54. Jumlah ini merupakan jumlah kerugian yang dialami oleh defendan dan perlu dibayar oleh plaintif. Soalan dan jawapan SD6 di pemeriksaan utama yang relevan ialah:

11.

S: Apa maksud ralat -69.95%?

J: Penggunaan arus elektrik Plaintif yang direkodkan adalah 30.05%.

69.95% adalah penggunaan arus elektrik yang dinikmati/digunakan oleh Plaintif tetapi gagal direkod oleh meter akibat pengusikan pada pepasangan jangka (meter).

11A.

S: Cuba jelaskan bagaimana Encik sediakan back bill?

J: Dalam system computer Defendan terdapat system CIBS (Customer Information Billing System) yang menyimpan semua data-data bil pengguna seluruh negara. Untuk menyediakan bil kebelakangan ini saya akan membuka akaun Plaintif dan mendapatkan semua data-data bil penggunaan bulanan yang digunakan oleh Plaintif. Dalam pengiraan bil ke belakang saya hanya perlu data penggunaan dalam unit iaitu KWH (Kilo Watt Hour) dan tarikh bacaan meter setiap bulan. Data-data ini saya download kan ke dalam format EXCEL yang mempunyai standard format (diformatkan). Bila data-data telah didownloadkan saya akan tentukan bila terjadinya penurunan mendadak (sudden drop) dalam penggunaan elektrik. Dalam kes ini akaun Plaintif menunjukkan penurunan mendadak bermula 15.4.2004. Kalau mengikut analisa saya, penggunaan elektrik pada bulan Februari 2004 penggunaan sebanyak purata 50,000 unit Kwh, sedangkan penggunaan pada April 2004 ialah 39,485 unit Kwh. Dari segi sudden drop saya mengambil tarikh pemeriksaan meter dalam bil bulan April 2004 di mana penggunaannya adalah bagi tempoh 20.2.2004–15.4.2004. Saya akan mengira jumlah unit Kwh sebenar iaitu 100%. Formula yang biasa saya gunakan ialah jumlah unit yang dibil Kwh di bahagikan dengan 100% ditolak jumlah ralat. (100% – % ralat). Jumlah penggunaan 100% yang telah dikirakan ditolak dengan jumlah unit yang telah dibil sebelum ini. Dari itu saya akan dapat jumlah unit terkurang dibil. Jumlah unit yang terkurang dibil akan didarabkan dengan kadar tariff (setiap unit). Dalam kes ini tariff adalah perindustrian kadar sebanyak 25.8 sen se unit. Saya jumlahkan amaun yang terkurang dibil dari tempoh April 2004 hingga 20.6.2005 sebanyak RM252,388.54. Jumlah tersebut dicampur kos operasi sebanyak RM750.00 menjadikan jumlah tuntutan sebanyak RM253,138.54.

Bila pengiraan bil selesai saya mencetak dan menandatangani dan menyediakan graf penggunaan bulanan dan dokumen-dokumen terlibat saya serahkan kepada Pejabat TNB tempatan di Bangi.

12.

S: Berapa kerugian Defendan mengikut perkiraan Bil Kebelakang untuk pemeriksaan fizikal pada 20/6/2005 itu?

J: Jumlah kerugian hasil adalah RM252,388.54 Jumlah Kos Operasi adalah RM750.00. Jumlah keseluruhan RM253,138.840.

[16] Berkenaan *back billing* bagi penyiasatan pertama, pembuat *back billing* tidak dapat hadir di mahkamah untuk memberi keterangan oleh sebab beliau dalam cuti sakit yang berpanjangan. Peguam defendan telah mengemukakan sijil cuti sakit (eksh D25).

[17] Peguam defendan memohon untuk mengemukakan dokumen (*back bill* untuk tarikh pemeriksaan 15 Disember 2003) di ms 13–14 ikatan F ditanda sebagai eksh D27 dan dokumen graf bil bulanan pelanggan bertarikh 4 Januari 2001 hingga 15 September 2003 di ms 9 ikatan G ditandakan sebagai eksh D28. Peguam cara plaintif tiada bantahan dokumen di ms 13–14 ikatan F ditandakan sebagai eksh D27 dan dokumen graf bil bulanan pelanggan ditandakan sebagai eksh D28.

[18] Mahkamah kemudiannya membuat keputusan yang dokumen di ms 13–14 ikatan F ditanda sebagai D27 dan dokumen graf bil bulanan pelanggan ditandakan sebagai D28. Kedua-dua peguam bersetuju.

Back billing yang disediakan dan ditandakan sebagai eksh D22, D23, D27 dan D28 adalah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan oleh TNB. Walaupun peguam plaintif mempersoalkan cara kiraan yang dibuat dan tarikh bila ianya dibuat, mahkamah berpendapat yang mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990, memperuntukkan keadaan yang berlaku dalam kes ini, seksyen-seksyen tersebut adalah seperti berikut:

> 37 Kesalahan-kesalahan
>
> (3) Mana-mana orang yang mengikut apa-apa cara dengan curang —
>
> (a) mengambil elektrik;
>
> (b) ...
>
> (c) mengguna elektrik;
>
> (d) mengubahpinda indeks apa-apa meter atau alat lain yang digunakan di atas atau berkaitan dengan apa-apa pepasangan mana-mana pihak berkuasa bekalan atau mana-mana pepasangan berlesen untuk merekodkan keluaran atau pengguna-habisan elektrik; atau
>
> (e) menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian daripada merekodkan dengan sempurnanya keluaran atau pengguna-habisan elektrik,
>
> adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang yang, berlanggaran dengan seksyen 9, menggunakan, mengerjakan atau mengendalikan atau membenarkan digunakan, dikerjakan atau dikendalikan apa-apa pepasangan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit dan denda tambahan tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

(5) Mana-mana orang yang berlanggaran dengan seksyen 9, membekalkan elektrik daripada suatu pepasangan kepada atau bagi penggunaan mana-mana orang adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, dengan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, dan denda tambahan tidak melebih satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari selama kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

...

(14) Mana-mana orang yang merosakkan apa-apa meter atau alat lain yang digunakan atas atau berkaitan dengan mana-mana pepasangan berlesen bagi merekodkan keluaran atau penggunahabisan elektrik adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebih lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

38 Pemotongan bekalan elektrik

(3) Pemegang lesen boleh menghendaki pengguna membayar kepadanya apa-apa kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen 37(1), 37(3) dan 37(14) dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen di bawah seksyen ini termasuk perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyambungan semula bekalan elektrik.

(4) Suatu pernyataan bertulis oleh seseorang pekerja pemegang lesen yang diperakui dengan sempurnanya oleh pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh pemegang lesen, yang menyatakan —

(a) amaun kerugian hasil atau perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen; dan

(b) orang yang bertanggungan bagi pembayarannya.

hendaklah menjadi keterangan prima facie mengenai pembayaran yang kena dibuat oleh pengguna di bawah subseksyen (3).

(5) Amaun yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis itu hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam pernyataan itu, menjadi genap masa dan kena dibayar kepada pemegang lesen dan jika tidak dibayar, amaun itu hendaklah didapatkan kembali melalui tindakan sivil di Mahkamah.

40 Beban pembuktian

Dalam apa-apa pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah seksyen 37(3) bukti mengenai —

(a) kewujudan kaedah-kaedah buatan, sama ada bersendirian atau berserta dengan kaedah buatan tambahan yang tidak dijumpai, yang boleh digunakan bagi mengubahpinda, atau memudahkan pengubahpindaan, indeks mana-mana meter atau alat yang digunakan bagi mencatatkan kuantiti elektrik yang dibekalkan;

(b) kewujudan kaedah-kaedah buatan, sama ada bersendirian atau berserta dengan kaedah-kaedah buatan tambahan yang tidak dijumpai, yang akan menghalang atau memudahkan penghalangan, mana-mana meter atau alat daripada mencatatkan dengan sempurnanya, kuantiti elektrik yang dibekalkan, atau yang akan memudahkan pengambilan penggunahabisan, atau penggunaan elektrik dengan curang; atau

(c)

(i) pemasangan apa-apa kaedah mekanik atau kaedah lain pada;

(ii) ketiadaan atau pengalihan apa-apa bahagian atau sambungan daripada; atau

(iii) penggangguan apa-apa bahagian atau sambungan, apa-apa radas mengikut hal keadaan yang pemasangan ketiadaan, pengalihan atau penggangguan itu akan menghalang atau memudahkan penghalangan mana-mana meter atau alat lain daripada mencatatkan dengan sempurnanya kuantiti elektrik yang dibekalkan, atau yang akan memudahkan pengambilan, penggunahabisan atau penggunaan elektrik dengan curang,

Hendaklah menjadi keterangan prima facie bahawa telah ada pengubahpindaan dengan curang indeks mana-mana meter atau alat, atau penghalangan, pengambilan, penggunahabisan atau berkenaan; dan

(A) bahawa pengubahpindaan, penghalang, pengambilan, penggunahabisan atau penggunaan dengan curang itu mengikut mana-mana yang berkenaan, telah dijalankan oleh —

(d) pengguna yang menggunakan meter atau alat itu;

(e) orang yang mempunyai kawalan ke atas pepasangan di mana ia terpasang; atau

(f) penduduk premis yang padanya meter atau alat itu dipasang.

KEPUTUSAN

[19] Atas sebab-sebab di atas, saya dapati bahawa defendan telah membukti tuntutan balas mereka dan dengan itu mahkamah membenarkan tuntutan balas defendan dengan kos.

Tuntutan plaintif ditolak dengan kos dan tuntutan balas defendan dibenarkan dengan kos.

Reported by Kanesh Sundrum